



SPP

**PELAN STRATEGIK
SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN
2021-2025**



PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dapat menerbitkan Pelan Strategik SPP Tahun 2021-2025.

Tahun 2021 adalah tahun pertama bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan telah dibentangkan di Parlimen pada 27 September 2021. Tahun 2021 juga merupakan tahun pertama di mana Pelan Strategik ini dibangunkan. Penyediaan Pelan Strategik ini sangat mencabar berikutan pandemik COVID-19 dan ketidaktentuan keadaan sosial dan ekonomi dunia.

SPP, sebagai salah sebuah Pihak Berkuasa Melantik (PBM) di negara ini, komited dalam memperkasa dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh, pelanggan dan juga rakan strategik SPP. Sehubungan itu, Pelan ini dirangka bagi menetapkan hala tuju SPP yang merangkumi visi, misi dan strategi terperinci sebagai panduan kepada warga SPP dalam melaksanakan program yang dirancang dalam tempoh lima (5) tahun.

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga SPP di atas sumbangan secara langsung dalam penghasilan Pelan ini. Diharapkan agar SPP kekal menjadi sebuah Pihak Berkuasa Melantik yang berwibawa dan berintegriti bagi Perkhidmatan Pendidikan.

Sekian, terima kasih



TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan



KATA ALUAN SETIAUSAHA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-NYA Pelan Strategik Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Tahun 2021 – 2025 telah berjaya diterbitkan. Terima kasih kepada semua warga SPP yang telah menyumbangkan idea, masa dan tenaga bagi tujuan pengubalan Pelan ini.

Pelan Strategik ini merupakan sumber rujukan utama bagi penetapan hala tuju SPP di mana ia menggariskan lima (5) teras strategik yang menjadi asas bagi perancangan dasar, pelaksanaan program dan pembangunan SPP dalam tempoh lima (5) tahun. Pengubalan Pelan ini merupakan satu usaha untuk memastikan bahawa misi dan visi SPP adalah selaras dengan agenda kebangsaan khususnya RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Diharapkan agar semua warga SPP dapat memberikan komitmen padu dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan berlandaskan Pelan Strategik Tahun 2021-2025 yang dibangunkan ini bagi memastikan SPP kekal sebagai Pihak Kuasa Melantik (PBM) yang berwibawa dan mampan.

Sekian, terima kasih.



ENCIK MD RADZI BIN HASHIM
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan



KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGERUSI	i
PENA SETIAUSAHA	ii
PENGENALAN	1
LATAR BELAKANG	4
CARTA ORGANISASI	7
PUNCA KUASA SPP	10
AGENDA NASIONAL	12
ISU DAN CABARAN	16
PEMEGANG TARUH, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK SPP	18
HALA TUJU STRATEGIK	20
TERAS STRATEGIK	23
PELAN TINDAKAN	26
PENUTUP	36



PENGENALAN

PENGENALAN

Pelan Strategik Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Tahun 2021 – 2025 ini merupakan dokumen panduan kepada warga SPP untuk mencapai matlamat sebagai Pihak Kuasa Melantik (PBM) Pihak Berkuasa Melantik Yang Berwibawa dan Mampan bagi Perkhidmatan Pendidikan dalam tempoh lima (5) tahun. Pelan ini menetapkan pelan tindakan dan inisiatif SPP untuk meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan selaras dengan agenda nasional negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Rancangan Malaysia Ke-12 serta lain-lain agenda nasional negara yang berkuatkuasa.

Pelan Strategik ini memberi peluang kepada warga SPP untuk bersiap – sedia dan komited selaras dengan Kod Etika SPP dalam hasrat menjadi Pihak Berkuasa Melantik yang terbaik dalam urusan pengambilan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP). Berbekalkan tenaga kerja yang kompeten dan efisien, di samping aplikasi teknologi yang inovatif dan bernilai tambah mendorong SPP untuk merangka strategi yang kukuh bagi memenuhi kehendak dan keperluan pemegang taruh pada tahun mendatang.



Sehubungan dengan itu, pelan Strategik SPP Tahun 2021 – 2025 ini dirangka untuk mencapai matlamat yang diidamkan dengan menggariskan lima (5) teras iaitu:

- i. Pencarian bakat Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang berkebolehan dan berprestasi tinggi;
- ii. Pengukuhan Urusan Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tatatertib Anggota Perkhidmatan Pendidikan;
- iii. Pemantapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- iv. Pembudayaan Penyampaian Perkhidmatan yang Efisien dan Berkualiti; dan
- v. Pemerkasaan Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi.



**LATAR
BELAKANG**

LATAR BELAKANG



PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN

SPP ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Anggota Suruhanjaya SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Ahli Suruhanjaya.

FUNGSI

Suruhanjaya bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik dalam perkhidmatan pelajaran dengan menjalankan tugasnya mengikut Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, iaitu :

MELANTIK	MENGESAHKAN	MEMASUKKAN KE DALAM PERJAWATAN TETAP ATAU PERJAWATAN BERPENCEN	MENAIKKAN PANGKAT	MENUKARKAN	MENJALANKAN KAWALAN TATATERTIB
Melantik calon ke jawatan tetap, kontrak atau sementara dalam perkhidmatan pendidikan	Mengesahkan dalam perkhidmatan anggota yang dilantik tetap	Meluluskan pemberian taraf berpencen ke atas anggota yang dilantik tetap dan disahkan dalam perkhidmatan	Kawalan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan pendidikan melalui Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat	Meluluskan pertukaran pelantikan atau pertukaran perkhidmatan	Berperanan sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib perkhidmatan pendidikan
					

PENURUNAN KUASA

PERKARA 144 (5B) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Semua kuasa dan tugas SPP kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan ini, Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran dan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat serta urusan kawalan tatatertib yang telah ditentukan. SPP hanya menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) dan beberapa tugas kawalan tatatertib.

KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA

PERKARA 144 (8) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SPP boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengatur acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan kuorum. Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan 2007 dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 189

Untuk melaksanakan amanah ini, SPP diperuntukkan seramai tiga belas Ahli Suruhanjaya (ASJ) yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas ahli lain. Kesemua ASJ ini dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat Perdana Menteri dan Persetujuan Majlis Raja-Raja.

Pada masa ini, urusan pentadbiran SPP dilaksanakan oleh Setiausaha bersama dua (2) orang Timbalan Setiausaha dan sebelas Setiausaha Bahagian, Ketua Unit, serta Pegawai Undang-undang. Secara keseluruhannya, sejumlah 262 perjawatan pegawai dan kakitangan di tiga (3) pejabat SPP iaitu di Ibu Pejabat Putrajaya, Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan Sarawak.

The image features a background of a blue and cyan geometric pattern of triangles. Overlaid on this is a large, dark blue arrow pointing to the right, which contains the text 'CARTA ORGANISASI'. To the right of this arrow are several other geometric shapes: a large orange arrow pointing right, a smaller blue arrow pointing right, a small orange triangle pointing right, a medium blue arrow pointing right, a small orange triangle pointing right, a medium blue arrow pointing right, and a small orange triangle pointing right. The text is in a bold, white, sans-serif font.

CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI

AHLI SURUHANJAYA



Pengerusi
YBhg. Tan Sri Dr. Khair Bin Mohamad Yusof



Timbalan Pengerusi
YBhg. Datuk Seri Azmi bin Lateh



YBhg. Datuk Haji
Muhiddin @ Mohd ANAS
Bin Yusin



YBrs. Puan Hamsiah
binti Abdullah Masni



YBhg. Dato' Sabariah
Binti Hassan



YBrs. Encik Shabudin
Bin Man



YBrs. Dr. Zainal Aalam
Bin Hassan



YBhg. Dato' Zainal
Abidin bin Ahmad



YBrs. Dr. Azian Binti
Tengku Syed Abdullah



YBhg. Datuk Givananadam
A/L Kalinan



YBrs. Dr. Jamil Bin Adimin




YBhg. Dato' Wee Beng Ee



YBhg. Dato' Dr. Zailan
binti Dato' Haji Adnan

CARTA ORGANISASI

URUS SETIA





PUNCA KUASA

Seksyen 141A, 142, 143,
144, 146 Perlembagaan
Persekutuan

Peraturan-Peraturan Pegawai
Awam (Pelantikan, Kenaikan
Pangkat dan Penamatan
Perkhidmatan) 2012
[P.U.(A) 1/2012]

Peraturan-Peraturan
Pegawai Awam
(Kelakuan dan
Tatatertib) 1993
[P.U.(A) 395/1993]

PUNCA KUASA

Peraturan-Peraturan Lembaga
Tatatertib Perkhidmatan
Pendidikan 1994
[P.U (A) 458/1994]

Peraturan-Peraturan Lembaga
Kenaikan Pangkat
Perkhidmatan Pendidikan 2010
[P.U. (A) 24/2010]

Kaedah-Kaedah
Suruhanjaya Perkhidmatan
Pendidikan 2007
[P.U. (A) 189/2007]

Kaedah-Kaedah
Suruhanjaya
Perkhidmatan
Pendidikan (Pindaan)
2009
[P.U. (A) 321/2009]



**AGENDA
NASIONAL**

Dalam proses penggubalan Pelan ini, beberapa Agenda Nasional Negara seperti Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Perkhidmatan E2E Sektor Awam dijadikan panduan agar segala program yang dirancang tidak tersasar dari matlamat utama Kerajaan.

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

DEFINISI

Itizim menjadikan Malaysia sebuah negara terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama & inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah & rantaian bekalan

MATLAMAT

Menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada 2030

OBJEKTIF KEMAKMURAN BERSAMA

- | | | |
|---|---|--|
| <p>1 PEMBANGUNAN UNTUK SEMUA</p> <p>Menstruktur semula ekonomi yang lebih progresif berpaksikan ilmu & bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat</p> <p>MENSTRUKTUR EKONOMI</p> | <p>2 MENANGANI JURANG KEKAYAAN & PENDAPATAN</p> <p>Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah & rantaian bekalan untuk membela & meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan</p> <p>MENANGANI KETIDAKSAMAN</p> | <p>3 NEGARA BERSATU, MAKMUR & BERMARUAH</p> <p>Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia</p> <p>MEMBINA NEGARA</p> |
|---|---|--|



WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030



RANCANGAN MALAYSIA KE-12

Laporan Awal

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025



<p>MENYEDIAKAN KESAMARATAAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI BERTARAF ANTARABANGSA</p> <p>1</p>	<p>MEMASTIKAN SETIAP MURID PROFISIEN DALAM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS</p> <p>2</p>	<p>MELAHIRKAN RAKYAT MALAYSIA DENGAN PENGHAYATAN NILAI</p> <p>3</p>	<p>TRANSFORMASI KEGURUAN SEBAGAI PROFESION PILIHAN</p> <p>4</p>	<p>MEMASTIKAN KEPIMPINAN BERPRESTASI TINGGI DI TEMPATKAN SETIAP SEKOLAH</p> <p>5</p>	<p>MENGUPAYA JPN, PPD DAN SEKOLAH UNTUK MENYEDIAKAN PENYELESAIAN KHUSUS BERASASKAN KEPERLUAN</p> <p>6</p>	<p>MEMANFAATKAN IGT BAGI MENINGKATKAN KUALITI PEMBELAJARAN DI MALAYSIA</p> <p>7</p>	<p>MEN-TRANFORMASI KEBOLEHUPAYAAN DAN KAPASITI PENYAMPAIAN KEMENTERIAN</p> <p>8</p>	<p>BEKERJASAMA DENGAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA SECARA MELUAS</p> <p>9</p>	<p>MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID BAGI SETIAP RINGGIT</p> <p>10</p>	<p>MENINGKATKAN KETELUSAN UNTUK AKAUNTABILITI AWAM SECARA LANGSUNG</p> <p>11</p>
---	---	---	---	--	---	---	---	---	---	--

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2021-2025




10 LONJAKAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2021-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)

PERKHIDMATAN E2E SEKTOR AWAM



E2E merujuk kepada perkhidmatan yang dilaksanakan secara end-to-end sepenuhnya dari mula hingga akhir, proses yang boleh dilulus pada platform secara dari dan di mana mana tanpa peralihan secara bertampek.


Contoh perkhidmatan E2E
 Permohonan Purnabaharuan Pasport - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
 Pembayaran Saman - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)



PERKHIDMATAN E2E SEKTOR AWAM



MYDIGITAL



INDUSTRY 4.0




**ISU DAN
CABARAN**

Pendidikan merupakan tunjang penting kepada kemajuan sesebuah Negara kerana ia adalah penyumbang utama pembangunan modal insan dari segi sosial dan ekonomi Negara. Pendidikan menyediakan ilmu pengetahuan, pencetus idea kreatif dan inovatif serta membentuk kemahiran kepada semua generasi bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan Negara.

Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, sektor pendidikan di Malaysia juga berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran yang perlu ditangani dengan bijak dan bersesuaian dengan keadaan semasa.





**PEMEGANG
TARUH, PELANGGAN
DAN RAKAN STRATEGIK
SPP**

PEMEGANG TARUH

- DYMM Yang Di-pertuan Agong
- Ahli-ahli Parlimen
- YB Menteri dan Anggota Pentadbiran Kerajaan
- Ketua Setiausaha Negara
- Ahli Suruhanjaya

PELANGGAN

- Kementerian dan Agensi Kerajaan
- Anggota Perkhidmatan Pendidikan
- Orang Awam

RAKAN STRATEGIK

- KPM / KPT
- SPA
- JPA
- AGC
- Badan Bukan kerajaan



HALA TUJU STRATEGIK

VISI DAN MISI SPP

VISI

**PIHAK BERKUASA
MELANTIK YANG
BERWIBAWA DAN
MAMPAN BAGI
PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN**



MISI

**MELANTIK BAKAT
YANG TERBAIK
BERTERASKAN
SISTEM
PENGURUSAN YANG
HOLISTIK**




**SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN**

KOD ETIKA

Dalam merealisasikan visi dan misi SPP, nilai-nilai murni melalui Kod Etika perlu menjadi pegangan semua warga agar prestasi kerja dapat ditingkatkan.





**TERAS
STRATEGIK**

TERAS STRATEGIK

1

TERAS 1

Pencarian bakat
Anggota Perkhidmatan
Pendidikan yang
Berkebolehan dan
Berprestasi Tinggi

2

TERAS 2

Pengukuhan Urusan
Perkhidmatan, Naik
Pangkat dan Tata tertib
Anggota Perkhidmatan
Pendidikan

3

TERAS 3

Pemantapan
Teknologi Maklumat
dan Komunikasi
(ICT)

4

TERAS 4

Pembudayaan
Penyampaian
Perkhidmatan yang
Efisien dan Berkualiti

5

TERAS 5

Pemeriksaan Tadbir
Urus Ke Arah
Kecemerlangan
Organisasi

TERAS	STRATEGIK	OUTCOME
<p>TERAS 1:</p> <p>Pencarian bakat Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang berkebolehan dan berprestasi tinggi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan urusan pengambilan anggota perkhidmatan pendidikan. 	<p>Menghasilkan anggota perkhidmatan pendidikan yang berkompentensi tinggi, berintegriti dan berinovasi</p>
<p>TERAS 2:</p> <p>Pengukuhan Urusan Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tatatertib Anggota Perkhidmatan Pendidikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan urusan perkhidmatan, naik pangkat dan tatatertib. 	<p>Mengutamakan kualiti output/perkhidmatan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan lebih telus, adil dan wajar serta memenuhi keperluan perkhidmatan awam.</p>
<p>TERAS 3:</p> <p>Pemantapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan sistem urusan pengambilan dan perkhidmatan APP. • Mengoptimumkan keupayaan sumber ICT. • Memantapkan dasar dan tadbir urus ICT. 	<p>Mempertingkatkan pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan sektor awam dan kemahiran warga SPP</p>
<p>TERAS 4:</p> <p>Pembudayaan Penyampaian Perkhidmatan yang Efisien dan Berkualiti</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan medium penyampaian perkhidmatan SPP. • Meningkatkan kerjasama strategik antara SPP dengan pelanggan. • Ketersediaan data yang berkualiti, impak tinggi dan terkini., 	<p>Penyampaian perkhidmatan lebih komprehensif dan memenuhi kehendak pelanggan</p>
<p>TERAS 5:</p> <p>Pemerkasaan Tadbir Urus Ke Arah Kecemerlangan Organisasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkasa pengurusan sumber manusia. • Memperkasa pembangunan sumber manusia. • Memperkasa tatacara pengurusan proses kerja. • Memperkasa nilai integriti warga SPP. • Menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti. • Memfokuskan cara kerja yang berdaya saing dan bekerjasama. 	<p>Mewujudkan kakitangan yang berkemahiran tinggi dan berorientasikan pengurusan yang telus dan bertanggungjawab</p>



**PELAN
TINDAKAN**

BIL	STRATEGIK	PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH/TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan urusan pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP)	i. Kaedah pengambilan dan temu duga diubah kepada berasaskan profiling yang mengandungi kompetensi-kompetensi tertentu termasuk penilaian psikometrik.	1 kaedah ujian penilaian psikometri dibangunkan	APP yang berkualiti, mempunyai kompetensi yang sesuai, tingkah laku yang beretika dan bermoral yang tinggi.	2021-2025	P, Q, S, D, BPM
		ii. Menilai keberkesanan pelaksanaan temu duga semasa.	1 laporan penilaian	Cadangan pemantapan pelaksanaan urusan temu duga.	2021-2025	P, Q, S
		iii. Penilaian semula dasar dan polisi yang berkuat kuasa berkaitan pengambilan dan pelantikan.	1 kajian	Pelantikan anggota perkhidmatan pendidikan yang memenuhi skim perkhidmatan dan kriteria yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan – Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	2021-2025	P,Q,S,D

BIL	STRATEGIK	PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH/TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
		iv. Kajian penambahbaikan proses pengambilan.	1 laporan	Proses pengambilan yang lebih cekap, cepat dan teratur.	2021-2025	P,Q,S
		v. Memantapkan kualiti Lembaga Temu Duga.	<ul style="list-style-type: none"> • 1 senarai Wakil Jabatan yang bertauliah dan berkualiti • 1 bengkel temu duga mengikut keperluan 	Urusan temu duga dan pengambilan dilaksanakan oleh Lembaga Temu duga yang berkemahiran tinggi, berkarisma dan berkredibiliti.	2021-2025	P,Q,S
		vi. Mengemaskini buku panduan temu duga untuk Lembaga Temu Duga.	1 buku panduan yang komprehensif	Maklumat yang diberikan adalah tepat, relevan dan terkini.	2023	P,Q,S

BIL	STRATEGIK	PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1	Memantapkan urusan perkhidmatan, naik pangkat dan tatatertib	i. Peningkatan keberkesanan terhadap Sistem ePROPER dilaksanakan secara menyeluruh.	1 naziran ePROPER/ mesyuarat penambahbaikan ePROPER	Sistem ePROPER menjadi lebih efisien dan efektif serta dapat memenuhi ekspektasi dan kehendak pelanggan	2021-2025	K, BPM
		ii. Perekayasaan proses kerja semasa bagi mendapatkan output yang lebih efisien dan menjimatkan masa secara optimum.	Setahun sekali semakan dibuat	Proses kerja yang melibatkan pelanggan dan stakeholders menjadi lebih cepat, efisien dan efektif	2021-2025	K
		iii. Menyemak keberkesanan pelaksanaan kaedah penerimaan permohonan dalam talian bagi urusan perkhidmatan.	Satu laporan keberkesanan penggunaan sistem dalam talian proses kerja urusan perkhidmatan	Piagam Pelanggan dicapai	2021-2025	K

BIL	STRATEGIK	PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1	Memantapkan urusan perkhidmatan, naik pangkat dan tata tertib	iv. Meningkatkan kefahaman mengenai urusan perkhidmatan, naik pangkat dan tata tertib di kalangan warga SPP dan APP	<ul style="list-style-type: none"> • Kekerapan sesi taklimat urusan perkhidmatan, naik pangkat dan tata tertib • Taklimat secara maya • Media massa –hebahan/ rakaman, <i>compile hot questions</i> 	Meningkatkan pengetahuan pegawai	2021-2025	K,NT
	1. Taklimat Urusan Tata tertib secara dalaman Bahagian NT, SPP :	Diadakan secara sekali setahun	Pemantapan pelaksanaan urusan tata tertib di kalangan urus setia tata tertib JPN, KPM & KPT			NT
	a) Kursus Pemantapan Urusan Tata tertib bersama PUU SPP			2021		
	b) Kursus Pemantapan Urusan Tata tertib bersama JPA dan SPA			2022		

BIL	STRATEGIK	PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH / TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
		1. Taklimat Urusan Tatatertib kepada KPM / KPT / JPN / PPD 2. Sesi perkongsian pelaksanaan urusan tatatertib antara urus setia tatatertib JPN, KPM & KPT	Diadakan secara sekali setahun Diadakan secara berkala : 2 kali setahun		2021- 2025 2022 -2025	NT NT
		v. Menambah baik urusan naziran perkhidmatan : a) Menyemak prosedur pelaksanaan naziran perkhidmatan b) Memberi latihan/khidmat runding kepada pegawai naziran perkhidmatan	1 prosedur penambahbaikan 2 latihan/khidmat runding dalam setahun	Urusan perkhidmatan dilaksanakan mengikut tatacara dan peraturan semasa yang berkuat kuasa	2021-2025	K,Q,S

BIL	STRATEGIK	PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH/TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1	Memantapkan sistem urusan pengambilan dan perkhidmatan APP	i. Menambahbaik sistem Pengambilan dan Perkhidmatan SPP.	Pembangunan dan Penambahbaik an sistem eSPP dan lain-lain.	Urusan pengambilan dan perkhidmatan lebih efektif.	2022-2025	BPM, P, K, U, Us, NT, D, S, Q
2	Mengoptimumkan keupayaan sumber ICT	i. Menaik taraf dan menambah baik infrastruktur ICT sedia ada (<i>software & hardware</i>).	Peratus ketersediaan infrastruktur.	Urusan kerja dilaksanakan lebih lancar.	2021-2025	BPM
			Bilangan perkakasan dan perisian ICT.	Urusan kerja dilaksanakan lebih efektif.	2021-2025	BPM
		ii. Mengaplikasikan pelaksanaan proses kerja dan fungsi SPP menerusi penggunaan ICT.	Sekurang-kurangnya 3 aplikasi dibangunkan/ digunapakai Bilangan aplikasi <ul style="list-style-type: none"> • Dashboard (2022) • eLatihan (2023) • Sistem kehadiran (2022) • MySPP 2.0 (2022-2023) 	Urusan kerja dilaksanakan lebih mudah dan efektif.	2021-2025	BPM
3	Memantapkan dasar dan tadbir urus ICT.	iii. Pelaksanaan dan penyelarasan dasar dan prosedur ICT SPP.	Bilangan dokumen: <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Strategik Pendigitalan ICT (2022) • Polisi Keselamatan Siber (2022) / • Pensijilan ISMS (2024) 	Peningkatan kefahaman serta kesedaran ICT di kalangan warga SPP, pihak ketiga dan <i>stakeholder</i> .	2021-2025	BPM

BIL	STRATEGIK	PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH/TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1	Memantapkan medium penyampaian perkhidmatan SPP.	i. Penggunaan platform media sosial; dan ii. Mempelbagaikan kandungan/pendekatan.	3 jenis medium <ul style="list-style-type: none"> • Twitter • Instagram • Facebook • Whatsapp • Youtube • Telegram • SMS • Chatbot 	Meningkatkan persepsi positif pelanggan.	2021-2025	U (PRO)
2	Meningkatkan kerjasama strategik antara SPP dengan pelanggan.	i. Taklimat berkaitan urusan perkhidmatan kepada pelanggan SPP	3 siri program /tahun	Meningkatkan pemahaman dan kesedaran kepada stakeholders berkaitan urusan perkhidmatan.	2021- 2025	K
		ii. Program Libat Urus SPP ke negeri-negeri	3 siri program/ tahun	Peningkatan kesedaran pelanggan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh SPP.	2021-2025	U (PRO)
		iii. Sesi Bicara ASJ bersama pelanggan.	Platform digital/fizikal		2021-2025	U (PRO)
3	Ketersediaan data yang berkualiti, impak tinggi dan terkini.	i. Mengenal pasti data yang relevan dan boleh dipercayai.	Secara berkala/ tahun	Data terbuka yang boleh diakses dan diguna pakai oleh orang awam dan industri bagi tujuan kajian dan perancangan.	2022	D
		ii. Pengemaskinian data terbuka dalam laman sesawang SPP.	Secara berkala/tahun	Data yang terkini dan tepat	2022-2025	D, BPM

BIL	STRATEGIK	PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH/TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1	Memperkasa pengurusan sumber manusia	<p>i. Semakan semula keperluan struktur daripada segi hubung kait jawatan berdasarkan gred jawatan Kumpulan P&P dan Kumpulan Sokongan.</p> <p>ii. Pewujudan jawatan kader baharu bagi menyokong peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan teras SPP.</p>	1 Kertas cadangan	Struktur perjawatan sumber manusia yang komprehensif	2021-2025	U
2	Memperkasa pembangunan sumber manusia	Menambah baik modul latihan	Pemanfaatan ICT dalam modul latihan	Meningkatkan kompetensi kakitangan dalam penggunaan ICT	2021-2025	U
		<p>i. Program Pembangunan Sumber Manusia</p> <p>a) <i>Attachment</i> dalaman</p> <p>b) <i>Talent Management</i> (dalaman)</p>	2 kali setahun	Perkongsian amalan terbaik dan diterapkan dalam proses kerja SPP	2021-2025	U

BIL		PROGRAM (TINDAKAN)	INDIKATOR	SASARAN (OUTCOME)	TEMPOH/TAHUN SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
3	Memperkasa tatacara pengurusan proses kerja	i. Memantapkan penyediaan kertas-kertas Suruhanjaya	1 Panduan Penyediaan Kertas Suruhanjaya	Urusan dokumentasi yang teratur dan penggunaan sumber yang optimum.	2022-2023	Us, D
		ii. Menyemak semula Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	1 dokumen Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang terkini	Dokumentasi yang kalis masa dan selaras dengan keperluan semasa	2023-2025	D
4	Memperkasa nilai integriti warga SPP	Melaksanakan program pementapan integriti di kalangan warga SPP	2 Program setahun	Meningkatkan ketelusan dan kecekapan Warga SPP	2021-2025	UI
5	Menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti	i. Mempelbagaikan medium penyampaian melalui aplikasi ICT/ platform media sosial dalam proses kerja a) Dasar b) Peraturan semasa c) FAQ	Bilangan medium penyampaian: • FB <i>live</i> • VC • Video	Penggunaan ICT secara optimum dalam proses kerja warga SPP	2021-2025	U, BPM
6	Memfokuskan persekitaran kerja yang berdaya saing dan bekerjasama	i. Mengadakan lawatan sambil belajar ke organisasi berprestasi tinggi ii. Teh Tarik Session	Lawatan 1 kali setahun dan input tambahan	Menerapkan budaya amalan terbaik pengurusan organisasi berprestasi tinggi	2021-2025	U



PENUTUP

PENUTUP

Pelan Strategik SPP Tahun 2021 – 2025 megariskan strategi dan pelan tindakan yang perlu direalisasikan oleh SPP dalam tempoh lima (5) tahun untuk mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Pelan ini menekankan lima (5) teras yang menjadi garis panduan kepada warga SPP untuk pelaksanaan tugas secara efektif, efisien serta dapat memenuhi ekspektasi pemegang taruh dan pelanggan. Kejayaan Pelan ini bergantung kepada komitmen serta usaha setiap warga SPP bagi menjadikan SPP sebagai PBM yang berwibawa dan mampan.





SPP

**Suruhanjaya Perkhidmatan
Pendidikan
(Ibu Pejabat Putrajaya)
Aras 1-4, Blok F9
Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000**